

ANALISIS MAKNA DALAM LIRIK LAGU DATO' JAMAL ABDILLAH

(Analysis of Meaning in the Song Lyrics of Dato' Jamal Abdillah)

Siti Nurul Hakimah Mohd Marzuki

kimahmarzuki@gmail.com

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Gadong BE1410, Brunei Darussalam.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Siti Nurul Hakimah Mohd Marzuki. (2024). Analisis makna dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 101–122.
[https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no4)

Peroleh: Received:	29/2/2024	Semakan: Revised	2/4/2024	Terima: Accepted:	29/4/2024	Terbit dalam talian: Published online:	20/6/2024
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Bahasa mempunyai hubungan yang sangat erat dengan masyarakat kerana setiap masyarakat perlu saling berhubung antara satu dengan lain. Bahasa juga merupakan alat komunikasi yang paling berkesan untuk menyampaikan makna, terutamanya dalam lagu. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis lirik lagu memerlukan bahasa untuk menyampaikan makna yang difahami oleh pendengar. Setiap lirik lagu menggambarkan bentuk pemikiran penulisnya. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis makna dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah. Menerusi kajian ini, penulis mengenal pasti, sama ada semua jenis makna terdapat dalam setiap lagu atau mengandungi beberapa jenis makna sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, iaitu analisis teks. Pengkaji menganalisis makna dalam lirik lagu berlandaskan jenis makna yang dikemukakan oleh Leech (1974). Dalam penelitian ini, ketujuh-tujuh jenis makna ditemukan dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah. Jenis makna yang banyak ditemukan dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah ialah makna konseptual, makna afektif dan makna tematik. Semua jenis makna ini digunakan dalam lirik lagu dengan tujuan tertentu. Contohnya,

makna tematik digunakan untuk memberikan penekanan terhadap sesuatu kata. Oleh sebab kata yang digunakan oleh penulis lirik lagu Dato' Jamal Abdillah ini sangat mudah difahami, pembaca dapat menghayati dan memahami pesanan yang disampaikan oleh penulis dengan jelasnya.

Kata kunci: Bahasa, makna, lirik, lagu, jenis makna, penulis lirik

Abstract

Language has a very close relationship with society because every society needs to communicate with each other. It is also the most effective communication tool in conveying meaning, especially in song. This is because a songwriter needs language to convey meaning that can be understood by the listeners. Every song lyric illustrates the thoughts of the songwriter. Therefore, this study was conducted to identify and analyse the types of meaning contained in the song lyrics of Dato' Jamal Abdillah. Through this study, the researcher identified whether a song contains all types or only a few types of meaning. This study uses qualitative research method, specifically text analysis. The researcher analysed meaning in song lyrics based on the types of meaning presented by Leech (1974). In the analysis, all seven types of meaning were found in the song lyrics of Dato' Jamal Abdillah. The most found types of meaning in his lyrics are conceptual, affective and thematic meanings. All of these types of meaning are used in the song lyrics for a specific purpose, such as to emphasize a word. Since the words used by the songwriter for Dato' Jamal Abdillah are easily comprehensible, the listener can experience and understand the message that is clearly conveyed by the songwriter.

Keywords: Language, meaning, lyric, song, types of meaning, songwriter

PENDAHULUAN

Menurut Lyons (1994), makna merujuk idea atau konsep yang dapat dipindahkan daripada fikiran penutur kepada fikiran pendengar. Pengkaji tersebut juga menyatakan bahawa semua bahasa bergantung pada makna dalam kata dan ayat. Secara umumnya, makna ialah erti atau maksud yang tersimpul daripada suatu kata. Oleh itu, makna sangat berkait

dengan suatu benda dan saling bersatu. Jika suatu kata itu tidak dapat dihubungkan dengan benda, peristiwa atau keadaan tertentu, makna daripada kata itu tidak dapat diperoleh.

Kata yang berasal daripada makna yang sama sering menyebabkan kekeliruan atau kesalahan ketika berbahasa. Oleh itu, pilihan dan penggunaannya hendaklah disesuaikan dengan makna yang terkandung dalam sesuatu kata. Dari segi linguistik, kajian mengenai makna dikenali sebagai semantik. Menurut Palmer seperti yang dinyatakan dalam Abdullah Hassan (1989), semantik merupakan istilah yang merujuk kajian makna dan sebahagian daripada linguistik kerana makna ialah sebahagian daripada bahasa. Makna sesuatu kata dapat disampaikan secara tersurat atau secara jelas supaya mudah difahami oleh pendengar atau disampaikan secara tersirat.

Manusia dapat menyatakan fikiran, pendapat, emosi, perlakuan dan keperibadian melalui bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa dan masyarakat tidak dapat dipisahkan dan bahasa ialah medium untuk menyampaikan makna (Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin, 2015). Bahasa dalam lirik lagu juga sangat penting kerana dapat menyampaikan makna kepada pendengar. Lirik lagu terdiri daripada kata yang disusun rapi untuk menimbulkan keindahan. Menurut Waluyo dalam Akhmad Saifudin (2012), bahasa yang terdapat dalam lirik lagu merupakan bahasa yang dipadatkan, disingkatkan dan diberikan irama dengan bunyi yang padu dengan pemilihan kata kiasan dan imaginatif.

Setiap lirik lagu mempunyai kisah atau pengalaman yang ingin diceritakan atau disampaikan oleh penulisnya untuk menjadi teladan kepada pendengar. Makna yang terkandung dalam lagu dapat berbentuk makna tersurat atau makna tersirat. Oleh itu, kajian dilakukan terhadap lirik lagu penyanyi legenda Malaysia, iaitu Dato' Jamal Abdillah. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah dipilih dalam kajian ini kerana mempunyai maksud yang mendalam, selain lagu tersebut masih didengari dan diminati sehingga kini. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan makna yang terdapat dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah, seterusnya menghuraikan makna yang terdapat dalam lirik lagu tersebut. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan untuk menentukan, sama ada setiap jenis makna terkandung dalam setiap lagu Dato' Jamal Abdillah atau tidak. Dalam kajian ini, sebanyak 20 buah lagu dipilih untuk dianalisis maknanya berlandaskan teori jenis makna yang dikemukakan oleh Leech (1974).

Permasalahan Kajian

Pada zaman ini, biasanya seseorang itu mendengar lagu yang memang menjadi trend atau diminati dalam kalangan masyarakat. Setiap lagu mempunyai makna, sama ada tersirat atau tersurat, yang ingin disampaikan kepada pendengar oleh penulis liriknya. Makna tersebut disampaikan dalam pelbagai bentuk bergantung pada kreativiti penulis lirik. Oleh itu, kajian lirik lagu ini dilakukan berlandaskan teori jenis makna yang dikemukakan oleh Leech (1974). Menurut Masitah Mad Daud et al. (2017), masyarakat dapat melihat cara penulis lirik menginterpretasikan idea yang ingin disampaikan kepada pendengar melalui jenis makna. Lagu juga dapat memberikan kesan terhadap pendengar apabila diterbitkan mengikut prinsip penciptaan lagu dan digubah oleh pengubah lagu yang memiliki sentuhan jiwa. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan cara sesuatu makna itu disampaikan dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah dan mengenal pasti jenis makna yang selalu digunakan dalam lirik lagu. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk menganalisis jumlah jenis makna yang dapat terkandung dalam setiap lirik lagu. Kajian ini amat penting kerana lirik lagu Dato' Jamal Abdillah mengandungi makna yang mempunyai pengertian yang mendalam dan makna tersebut mudah difahami oleh pendengarnya.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan jenis makna yang dapat dijadikan sebagai sandaran bagi melakukan kajian ini, sama ada dari luar negara atau dalam negara. Kajian tersebut berlandaskan teori makna yang berbeza-beza, tetapi memfokuskan lirik lagu.

Kajian yang memfokuskan aspek makna telah dilakukan oleh Azzahrotul Latifah (2017). Kajian tersebut dilakukan untuk mengenal pasti makna denotatif dan makna konotatif dalam seluruh bab novel *Cinta di Dalam Gelas* menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Pengkaji tersebut mendapati bahawa novel itu mengandungi 31 kata yang melambangkan makna denotatif dan 22 kata yang melambangkan makna konotatif.

Umu Sya'adah (2012) pula mengenal pasti makna konotatif dan fungsi makna konotatif yang digunakan dalam 13 cerita pendek dalam majalah *Djaka Lodang* Edisi Bulan Mei – Julai tahun 2009 menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa makna konotatif yang paling dominan ialah konotasi tinggi, manakala fungsi yang

paling banyak digunakan ialah fungsi memperindah dan memperhalus pertuturan.

Kajian lain dilakukan oleh Chiquita (2018). Pengkaji ini memfokuskan jenis makna dalam lima lirik lagu terlaris kumpulan VIXX. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan jenis makna yang terdapat dalam lagu tersebut menggunakan kaedah deskriptif. Dengan berlandaskan teori Leech (1974) yang mengemukakan tujuh jenis makna, pengkaji ini menemukan enam jenis makna dalam lirik lagu kumpulan VIXX, iaitu makna konseptual, makna konotatif, makna afektif, makna reflektif, makna kolokatif dan makna tematik.

Seterusnya, Dila Puspita dan Irma Winingsih (2018) mengkaji metafora dalam lirik lagu AKB48 berlandaskan teori yang dikemukakan oleh Lakoff dan Johnson (1980). Kaedah yang digunakan ialah kualitatif deskriptif. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 15 buah lagu daripada AKB48. Data yang dianalisis dibahagikan kepada tiga jenis metafora, iaitu struktural, orientasional dan ontologis. Dalam kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa makna metafora dalam seluruh data memiliki hubungan dengan makna leksikalnya, manakala jenis metafora yang terdapat pada semua data menurut teori Lakoff dan Johnson (1980) ialah metafora struktural, metafora orientasional dan metafora ontologis.

Farra Humairah Mohd et al. (2019) pula mengenal pasti hubungan antara falsafah, bahasa dan pemikiran dalam lirik lagu *Bangau oh Bangau* dan *Burung Kenek-kenek* berlandaskan hipotesis Sapir-Whorf. Hasil kajian mendapati bahawa lirik lagu *Bangau oh Bangau* memaparkan empat falsafah dan pemikiran orang Melayu, iaitu sindiran terhadap budaya menyalahkan orang lain, sindiran terhadap masyarakat yang pemalas, keikhlasan apabila melaksanakan sesuatu tindakan atau perancangan, dan falsafah pegangan hidup. Dalam lirik lagu *Burung Kenek-kenek*, pengkaji ini mendapati bahawa falsafah dan pemikiran dijadikan sebagai nasihat agar menjadi insan yang bertakwa, selain mengandungi nasihat agar patuh terhadap ibu bapa dan berakhhlak mulia. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat hubungan antara falsafah, bahasa dan pemikiran dalam lirik lagu Melayu tersebut.

Secara keseluruhannya, pengkaji lepas didapati tidak membincangkan aspek makna dengan menggunakan jenis makna yang berlainan. Kebanyakannya hanya melihat dua jenis makna, iaitu makna denotatif dan makna konotatif. Pengkaji lepas juga melakukan kajian terhadap lirik lagu menggunakan teori yang berbeza-beza. Hal ini menunjukkan

bahawa sesebuah lirik lagu itu sememangnya mempunyai kepelbagaiannya yang dapat dikaji, sama ada dari segi makna atau sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan makna yang terdapat dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah berlandaskan tujuh jenis makna yang dikemukakan oleh Leech (1974). Walaupun hampir sama seperti kajian yang dilakukan oleh Chiquita (2018), kajian ini tidak terhenti pada pengenalpastian dan pengklasifikasian jenis makna, sebaliknya turut mengenal pasti jumlah jenis makna berbeza dalam setiap lirik lagu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif kerana bersesuaian dengan objektif kajian. Menurut Masitah Mad Daud et al. (2017), kaedah penyelidikan kualitatif merujuk pengamatan atau penelahan yang digunakan terhadap data yang dikaji. Selain itu, kaedah kepustakaan juga digunakan pada peringkat awal kajian untuk mencari maklumat tentang bidang yang hendak dikaji supaya pengkaji lebih memahami bidang tersebut dengan lebih mendalam dan jelas. Bagi analisis data kajian, kaedah analisis kandungan atau analisis teks digunakan. Analisis dokumen atau teks memfokuskan analisis bahan bertulis berdasarkan konteksnya. Kajian ini memfokuskan pemilihan makna yang digunakan dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah apabila menghuraikan cerita atau pesanan yang disampaikan berlandaskan teori tujuh jenis makna yang telah dikemukakan oleh Leech (1974).

Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah dipilih kerana makna lirik lagunya tidak begitu sukar difahami kerana menggunakan kata yang mudah, tetapi menarik. Sementara itu, data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 20 lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang diterbitkan dari tahun 1980 hingga tahun 2009 yang dipilih secara rawak. Lagu tersebut ialah *Aku Penghibur, Bunga Pujaan, Cita Dua Darjah, Gadis Melayu, Insan dan Bunga, Kasih Ibu, Kekasih Awal dan Akhir, Keluhan Perantau, Ku Tahu Hatimu Terluka, Lambaian Aidilfitri, Mati Hidup Semula, Nasib Diriku, Sandarkan pada Kenangan, Senandung Semalam, Sendiri, Seniman Menangis, Sepi dalam Penantian, Sepi Seorang Perindu, Takdir Penentu Segala dan Terharu*. Lirik lagu ini diperoleh daripada laman sesawang musixmatch.com. Untuk mengesahkan lirik lagu tersebut, pengkaji telah mendengar lirik lagu yang telah dipilih itu daripada saluran rasmi Dunia Muzik Warner Malaysia menerusi aplikasi YouTube.

Kerangka Teori

Pengkaji menghuraikan dan mengklasifikasikan makna dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah menggunakan teori yang dikemukakan oleh Leech (1974). Dalam teori ini, terdapat tujuh jenis makna, iaitu makna konseptual, makna stilistik, makna kolokatif, makna reflektif, makna tematik, makna konotatif dan makna afektif. Makna konseptual ialah makna yang menekankan makna logik atau secara ringkasnya ialah makna yang tertulis dalam kamus. Makna afektif merupakan makna yang mencerminkan perasaan peribadi penutur, termasuklah sikapnya terhadap pendengar atau sikapnya terhadap sesuatu yang dikatakannya.

Seterusnya, makna kolokatif ialah makna yang mengandungi asosiasi yang diperoleh daripada sesuatu kata yang disebabkan oleh makna kata lain yang muncul dalam lingkungannya. Makna reflektif pula ialah makna yang muncul dalam hal makna konseptual ganda dan sering difahami sebagai cadangan yang terdapat pada suatu penggunaan bahasa. Makna tematik merupakan makna yang dikomunikasikan menurut cara penutur atau penulis menyampaikan pesanannya dalam bentuk susunan, fokus dan penekanan. Makna konotatif ialah nilai komunikatif daripada suatu ungkapan menurut apa-apa yang diujarkannya. Makna stilistik ialah makna yang menunjukkan lingkungan sosial penggunanya, serta menunjukkan hubungan sosial antara penutur dengan pendengarnya.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji mengkategorikan setiap data yang ditemukan untuk dianalisis. Oleh sebab fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti setiap jenis makna yang terdapat dalam 20 lagu Dato' Jamal Abdillah, baris lirik yang mengandungi jenis makna sahaja yang dipaparkan. Selain mengkategorikan setiap data tersebut mengikut jenis maknanya, pengkaji juga menghuraikan maknanya mengikut konteks lagu tersebut.

Makna Konseptual

Makna konseptual dikenali sebagai makna denotatif atau makna kognitif (Lahengko, 2016). Makna ini merujuk makna dasar bagi sesuatu kata dan tidak ada penambahan terhadap makna tersebut. Menurut Leech (1974), makna konseptual ialah makna yang merujuk

hal yang berkaitan dengan logik dan menyediakan perwakilan semantik yang sesuai bagi sebuah pernyataan. Contohnya, kata **gelas** memiliki makna tempat atau benda yang digunakan untuk meminum air. Secara kesimpulannya, makna konseptual ialah makna yang terdapat dalam kamus tanpa penambahan nilai dan sebagainya. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang mengandungi makna konseptual yang ditunjukkan dalam contoh (1) dan contoh (2).

- 1) Kau kekasih **awal** dan **akhir**
Kau kekasih batin dan zahir
(*Kekasih Awal dan Akhir*)
- 2) Berirama **senandung** semalam
Ku teringat peristiwa silam
(*Senandung Semalam*)

Dalam contoh (1), kata **awal** berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:24 & 92) merujuk sesuatu permulaan atau bahagian yang mula-mula, manakala kata **akhir** merujuk kemudian sekali atau penghabisan. Dalam lagu *Kekasih Awal dan Akhir*, kata tersebut menunjukkan bahawa kekasihnya itu ialah orang yang pertama dan terakhir dalam hidupnya sehingga tiada orang lain yang mampu mengantikannya. Lagu tersebut menggambarkan seseorang yang sangat mencintai kekasihnya dan menginginkannya sebagai orang yang pertama dan terakhir dalam hidupnya, dan tidak ada wanita lain yang dapat mencuri hatinya kerana hatinya telah dimiliki oleh kekasihnya itu.

Dalam contoh (2), lirik lagu *Senandung Semalam* mengandungi makna konseptual yang dapat dilihat pada kata **senandung**. Makna bagi kata tersebut tidak mempunyai penambahan dari segi nilai dan sama seperti makna yang terkandung dalam kamus. Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:1444), kata **senandung** bermaksud lagu atau nyanyian (yang dinyanyikan perlahan-lahan) untuk menghiburkan hati sendiri. Dalam konteks lagu ini, pengkaji menjelaskan cara senandung yang didengarnya semalam telah membuatkannya mengenang semula kisah percintaannya dengan wanita yang pernah menjadi pujaan hatinya, yang kini sudah pergi meninggalkan dirinya.

Makna Konotatif

Makna konotatif merupakan makna yang berkaitan dengan nilai dan ungkapan komunikatif berdasarkan perkara yang dirujuk terhadap

kandungan konseptual semata-mata (Hilman, 2016). Menurut Suraiya Chapakiya (2015), makna konotatif ialah makna tersirat, iaitu makna kata yang disampaikan atau dikomunikasikan oleh penutur, atau secara ringkasnya ialah makna di sebalik kata. Dengan berdasarkan pernyataan tersebut, dapat disimpulkan bahawa makna konotatif merujuk makna dasar bagi suatu kata yang ditambah nilai pada maknanya. Selain itu, makna konotatif ini juga ialah makna yang berkaitan dengan suatu keadaan dan situasi tertentu. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang mengandungi makna konotatif ditunjukkan dalam contoh (1) dan contoh (2).

- 1) Hanya satu tujuan untuk mencari
Setangkai **bunga** pujaan hati
(*Bunga Pujaan*)
- 2) Kenangan manis kau dan aku
Takkkan terhapus
Duri ranjau dalam bercinta
Lumrah dunia
(*Sandarkan pada Kenangan*)

Dalam contoh (1), kata **bunga** dalam lirik lagu *Bunga Pujaan* bukan merujuk makna **bunga** yang terdapat dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:221). Dalam kamus ini, kata **bunga** bermaksud bahagian tumbuhan untuk pembiakan, biasanya berwarna terang dan berbau harum, 2) lukisan (pada kain, dan lain-lain), 3) bahagian permukaan tayar yang rupanya seperti hiasan (ukiran atau corak), 4) bayaran tambahan yang dikenakan ke atas atau diperoleh daripada wang yang dipinjamkan, 5) sesuatu yang dianggap cantik (indah dan lain-lain) yang dapat disifatkan seperti kembang dan 6) alamat atau tanda akan bermulanya sesuatu peristiwa. Kata **bunga** dalam lagu tersebut merujuk wanita yang dijadikan pujaan hati lelaki. Penulis lirik lagu ini menceritakan keadaan lelaki yang mencari wanita untuk dijadikan pujaan hatinya.

Dalam contoh (2), kata **duri** dalam lirik lagu *Sandarkan pada Kenangan* mengandungi makna konotatif. Kata **duri** dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:372) bermaksud bahagian tajam yang terdapat pada tumbuhan atau binatang. Dalam lirik tersebut, kata **duri** menggambarkan kesulitan atau dugaan yang dihadapi oleh setiap pasangan dalam tempoh percintaan. Penulis menjelaskan bahawa perkara tersebut adalah lumrah bagi setiap pasangan bercinta, bukannya sesuatu

perkara baharu. Dalam tempoh bercinta, bukan sekadar perkara indah yang akan dirasai oleh pasangan kekasih, tetapi pelbagai rintangan harus dilalui bersama-sama.

Makna Afektif

Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:12), kata afektif merujuk sesuatu yang berkaitan dengan perasaan dan emosi (bukannya fikiran atau daya berfikir). Menurut Leech (1974), makna afektif ialah aspek makna yang mencerminkan perasaan peribadi penutur atau penulis, termasuklah sikapnya terhadap sesuatu yang didengar. Makna afektif ini juga pada lazimnya diucapkan melalui konseptual atau konotatif yang digunakan. Contoh makna afektif ditunjukkan dalam contoh (1).

- 1) **Saya ingin memohon maaf, tetapi bolehkah awak dengan perhatian menurunkan suara sedikit.**

Contoh (1) menggambarkan rasa tidak selesa seseorang yang disampaikan dengan kesopanan. Intonasi dan kualiti suara juga berperanan penting. Oleh itu, ayat tersebut dapat dituturkan sebagai bentuk sarkasme dan bentuk kesopanan. Makna afektif muncul disebabkan oleh penggunaan kata atau ayat tertentu sehingga pendengar atau pembaca dapat merasai perasaan yang terdapat dalam kata tersebut. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang mengandungi makna afektif dapat dilihat dalam contoh (2) dan contoh (3).

- 2) Namun ku **bersyukur** pada yang Esa
Setelah mati ku hidup semula
(*Mati Hidup Semula*)
- 3) Oh **rindu** hatiku tak jemu padamu
Selagi kau masih ku **cinta**
(*Sepi Seorang Perindu*)

Dalam contoh (2), kata **bersyukur** menggambarkan perasaan yang cuba disampaikan oleh penulis lirik menerusi lagu *Mati Hidup Semula*. Kata **bersyukur** ini menunjukkan bahawa seseorang itu telah menemukan cahaya dalam kehidupannya, seterusnya berasa sangat bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi peluang kedua untuk menikmati segala keindahan yang ada di dunia ini. Pendengar dapat merasai perasaan syukur penulis dalam lirik lagu tersebut kerana diberi hidayah oleh Allah SWT. Lagu tersebut mengisahkan seseorang yang diberi hidayah atau petunjuk dalam

hidupnya yang sebelum itu kehidupannya gelap dan tiada tujuan. Setelah memperoleh kesedaran, perasaan syukur terhadap segala nikmat yang diberikan kepadanya mula dirasai.

Lirik lagu *Sepi Seorang Perindu* dalam contoh (3) menunjukkan perasaan penulis lirik yang sedang merindui kekasihnya. Pendengar dapat merasai kerinduan seseorang itu terhadap kekasihnya dalam lirik lagu tersebut. Kata **cinta** dalam lirik tersebut menunjukkan bahawa seseorang itu masih mencintai kekasihnya, manakala kata **rindu** menunjukkan bahawa dia tetap akan merindui kekasihnya yang jauh daripada dirinya. Dalam hal ini, pendengar lagu ini dapat merasai kekuatan cinta dan kesetiaan seseorang terhadap orang yang dicintainya walaupun terpisah jauh.

Makna Reflektif

Menurut Leech (1974), makna reflektif merupakan makna yang muncul dari segi makna konseptual yang berbeza apabila sesuatu makna kata merupakan sebahagian daripada tindak balas seseorang terhadap makna yang lain. Makna reflektif juga dikenali sebagai makna cerminan, iaitu perkataan yang sama, tetapi mempunyai makna yang berlainan, iaitu apa-apa yang disampaikan mempunyai kaitan dengan makna lain, khususnya makna tabu (Suraiya Chapakiya, 2015). Contohnya, kata **ayam** bermaksud binatang ternakan yang menjadi makanan manusia, dan dapat juga bermaksud perempuan yang tidak ada harga diri dan suka bertukar ganti lelaki yang bukan mahramnya. Oleh itu, makna reflektif ini merujuk kata yang sama, tetapi berlainan maknanya. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang mengandungi makna tersebut ditunjukkan dalam contoh (1) dan contoh (2).

- 1) Tak ubahnya bak bunga
Bila layu **tak berharga**
(*Insan dan Bunga*)
- 2) Suasana selalu menduga
Di sekitar gadis-gadis **manja**
(*Sepi dalam Penantian*)

Dalam lirik lagu *Insan dan Bunga* dalam contoh (1), terdapat kata yang mengandungi makna reflektif, iaitu kata **tak berharga**. Kata tersebut menggambarkan seseorang atau sesuatu benda yang tidak lagi mempunyai nilai istimewa. Penulis lirik menggunakan kata **tak**

berharga untuk menggambarkan kehidupan manusia di muka bumi ini, iaitu seperti bunga layu yang tidak lagi ada keindahannya dan hanya akan dibuang. Dalam hal ini, manusia tidak akan diberi perhatian apabila tidak memberikan manfaat atau faedah kepada orang lain. Oleh itu, penulis memilih kata **tidak berharga** untuk menggambarkan mesejnya berdasarkan konteks lagu tersebut.

Dalam contoh (2) pula, kata **manja** merujuk gadis pengoda yang mampu menawan hati lelaki yang berada di bandar. Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:996), kata **manja** bermaksud kurang elok kelakuannya kerana selalu diturut kemahuannya, atau sangat kasih (jinak, mesra, ramah). Dalam hal ini, penulis lirik lagu ini boleh sahaja menggunakan kata **nakal** untuk merujuk gadis pengoda dalam lagu tersebut. Namun begitu, penggunaan kata tersebut adalah sensitif kerana maknanya mempunyai unsur negatif. Oleh itu, penulis menggantikan kata seumpama itu dengan kata yang lebih halus dan tidak sensitif. Hal ini dikatakan demikian kerana kata **manja** lebih sesuai digunakan dalam konteks lagu yang pendengarnya terdiri daripada semua peringkat umur.

Makna Kolokatif

Menurut Leech (1974), makna kolokatif terdiri daripada satuan kata yang diperoleh berdasarkan makna kata tersebut yang cenderung muncul dalam lingkungannya. Makna kolokatif juga dianggap mempunyai item leksikal individu atau berkongsi makna yang sama, tetapi dapat dibezakan berdasarkan konteksnya (Hilman, 2016). Makna kolokatif ialah makna yang berkolokasi dengan beberapa kata yang berada dalam lingkungan yang sama atau makna yang timbul daripada penggunaan beberapa kata dalam lingkungan yang sama. Makna ini juga didefinisikan sebagai makna yang berkaitan dengan ciri tertentu daripada sejumlah kata yang bersinonim. Contohnya, kata **rantai**, **gelang** dan **cincin**. Kata tersebut berkolokasi dengan perhiasan. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang mengandungi makna kolokatif ditunjukkan dalam contoh (1)–(3).

- 1) Kau punyai segala
Anggun dan **jelita**
(*Cinta Dua Darjah*)
- 2) Siapa bilang **gadis Melayu** tak **menawan**
Tak **menarik hati**, tiada memikat
Lemah lembut gayanya

Serta manis senyumnya

Tiada yang **sehalus mulus** oh setulus dia
(*Gadis Melayu*)

3) **Mana saudara** manakah **teman-teman**

Disaatku memerlukan
(*Sendiri*)

Dalam contoh (1), kata **anggun** dan **jelita** secara jelasnya mempunyai kaitan dengan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana kata **anggun** dan **jelita** biasanya ditujukan kepada wanita, bukannya lelaki. Kata **anggun** dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015:57 & 620) merujuk elok atau tampan (pakaian, tingkah laku, gaya), manakala kata **jelita** bermaksud cantik, elok atau molek. Dalam lirik lagu ini, penulis ingin menggambarkan keanggunan luar biasa yang ada pada wanita tersebut. Oleh itu, penulis menggunakan kata **jelita** untuk memberikan kesan penegasan tentang paras wajah wanita tersebut kepada pendengar.

Kata **gadis Melayu** dalam contoh (2) berkolokasi dengan kata **menarik hati, menawan, lemah lembut, manis senyumnya** dan **sehalus mulus**. Hal ini disebabkan oleh kata tersebut biasanya ditujukan atau diucapkan kepada wanita. Oleh itu, dapat difahami bahawa lagu *Gadis Melayu* ini menjelaskan ciri yang terdapat pada gadis Melayu yang menyebabkan semua orang jatuh hati kepadanya. Ciri tersebut ialah menawan, lemah lembut, senyuman yang manis dan halus mulus. Penulis lirik ini menegaskan bahawa gadis Melayu sebenarnya bersifat menawan dan menarik hati. Penulis lirik juga menggunakan kata **lemah lembut, manis senyumnya** dan **sehalus mulus** untuk mengukuhkan ciri yang ada pada gadis Melayu.

Kata **saudara** dan **teman-teman** yang terdapat dalam contoh (3) mempunyai makna yang sama atau berkolokasi antara satu dengan lain. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), kata **saudara** merujuk orang yang sama ayah dan ibunya, atau adik, orang yang ada hubungan kekeluargaan, sanak saudara, orang yang sama darjat, kawan, sahabat, teman, kata ganti diri kedua yang digunakan, terutamanya pada lelaki, tembuni, uri, atau sesuatu yang hampir sama. Kata **teman** pula merujuk kawan, handai, sahabat, taulan, orang yang bersama-sama melakukan sesuatu, sesuatu sebagai pelengkap dan ganti diri yang pertama (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015:1639). Penulis lirik lagu ini meletakkan kedua-dua kata tersebut pada baris yang sama untuk memberikan penegasan kepada orang yang berada di kelilingnya yang tidak pernah ada apabila dia berada dalam kesulitan.

Makna Stilistik

Makna stilistik juga dikenali sebagai makna sosial. Makna stilistik ialah makna yang terhasil daripada penggunaan bahasa dalam situasi sosial, iaitu perkara yang disampaikan tentang keadaan masyarakat (Suraiya Chapakiya, 2015). Makna stilistik menurut Leech seperti yang dinyatakan dalam Chiquita (2018) pula ialah makna yang digunakan untuk menggambarkan posisi sosial seseorang. Dengan berdasarkan makna tersebut, dapat ditentukan asal usul atau kedudukan geografi penutur, hubungan sosial antara penutur dengan pendengar, kedudukan status dan jenis bahasa yang digunakan, sama ada loghat, dialek atau bahasa baku (Robert et al., 2003). Makna stilistik ini ditunjukkan dalam contoh (1).

1) rasalah masakan yang dimasak oleh ibu saya

Dalam contoh (1), pendengar dapat membuat kesimpulan bahawa penutur merupakan seorang yang baik hati dan pemurah. Oleh itu, penggunaan bahasa ketika berkomunikasi dapat menentukan status dan latar belakang penutur, loghat, aksen (tekanan suara pada kata atau suku kata), dialek, dan pangkat yang mampu mencerminkan kedudukannya dalam masyarakat, sama ada penutur daripada keluarga yang baik-baik, berstatus tinggi dan berpelajaran tinggi, atau sebaliknya. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang mengandungi makna stilistik pula ditunjukkan dalam contoh (2).

2) Tak punya segala kemewahannya

Kau punyai segala

Anggun dan jelita

Ku hanya insan jalanan

(Cinta Dua Darjah)

Dengan berdasarkan contoh (2) ini, terdapat perbezaan yang jelas dari segi sosial antara lelaki dengan wanita dalam lagu tersebut. Lelaki dalam lirik lagu tersebut digambarkan sebagai seorang yang mempunyai taraf kehidupan yang rendah berbanding dengan wanita yang dicintainya kerana tidak mempunyai harta yang banyak. Keadaan ini digambarkan dalam ayat **tak punya segala kemewahannya** dan **hanya insan jalanan**. Ayat **kau punyai segala** itu menunjukkan bahawa wanita itu mempunyai taraf kehidupan yang tinggi kerana mempunyai segala-galanya, sama ada dari segi harta, rupa dan sebagainya.

Makna Tematik

Makna tematik ialah makna yang muncul disebabkan oleh penekanan terhadap sesuatu ayat atau kata. Menurut Leech seperti yang dinyatakan dalam Lahengko (2016) dan Chiquita (2018), makna tematik merujuk makna yang diberikan fokus dan penekanan, serta bersesuaian dengan cara penutur atau penulis menyampaikan pesannya. Selain itu, keunggulan juga dapat ditonjolkan dengan menjadikan beberapa bahagian dalam ayat sebagai subjek, objek atau pelengkap. Hal ini dilakukan melalui fokus, topik atau penekanan emosi seperti yang dapat dilihat dalam contoh (1).

- 1) Aku di sini **hanya** untuk bertanyakan mengenai desas-desus yang beredar sejak kebelakangan ini.

Kata **hanya** merupakan makna tematik kerana berlakunya penekanan. Hal ini selari dengan pandangan Nik Safiah Karim et al (2008) yang menyatakan bahawa kata **hanya** ialah kata penegas. Dalam contoh (1), kata ini secara jelas menunjukkan bahawa seseorang itu ingin menanyakan sesuatu yang khusus, iaitu mengenai hal yang menjadi perbualan di sekitarnya sahaja. Lirik lagu Dato' Jamal Abdillah yang mengandungi makna tematik ditunjukkan dalam contoh (2)–(4).

- 2) Bunga pujaan tampak tiada berseri
Lemah gemulai tak **lagi** berdaya
(*Bunga Pujaan*)
- 3) Ku **hanya** insan biasa
Tak punya segala kemewahannya
(*Cinta Dua Derajat*)
- 4) Bila musim gugur tiba
Bunga jatuh ke bumi **jug**a
(*Insan dan Bunga*)

Kata **lagi** dalam contoh (2) menunjukkan penekanan dalam lirik lagu tersebut. Kata **lagi** diberikan penekanan oleh penulis lirik lagu ini untuk menggambarkan keadaan bunga pujaan yang lemah dan tidak berdaya. Keadaan ini dialami oleh perempuan tersebut setelah ditinggalkan oleh pasangannya. Dalam contoh (3), kata **hanya** merupakan penekanan untuk menunjukkan bahawa dia hanyalah seorang manusia biasa yang tiada apa-apa. Penekanan berlaku kerana terdapat perbezaan darjah antara kedua-dua pasangan. Dalam hal ini, pasangannya memiliki segala-galanya,

sedangkan dirinya hanyalah manusia biasa. Seterusnya, kata **juga** dalam contoh (4) menunjukkan penekanan bahawa bunga tidak akan jatuh ke tempat lain melainkan jatuh ke bumi setelah musim gugur.

Dengan berdasarkan analisis yang dilakukan ini, semua jenis makna yang dikemukakan oleh Leech (1974), iaitu makna konseptual, makna konotatif, makna afektif, makna reflektif, makna kolokatif, makna stilistik atau makna sosial, dan makna tematik ditemukan. Semua jenis makna ini ditemukan dalam 20 lagu Dato' Jamal Abdillah yang dipilih dalam kajian ini. Jumlah lagu bagi setiap jenis makna ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jumlah lagu bagi setiap jenis makna.

Bil.	Jenis Makna	Lagu
1	Makna konseptual	20
2	Makna konotatif	8
3	Makna afektif	20
4	Makna reflektif	7
5	Makna kolokatif	6
6	Makna stilistik	1
7	Makna tematik	20

Dalam Jadual 1, dapat diperhatikan bahawa makna konseptual ditemukan dalam semua lirik lagu Dato' Jamal Abdillah. Makna ini ditunjukkan melalui kata, seperti **awal**, **akhir** dan **senandung**. Sebanyak 20 lagu yang telah ditemukan mengandungi makna konseptual, iaitu makna yang tidak mempunyai penambahan makna terhadap kata tersebut. Seterusnya, makna konotatif ditemukan dalam lapan lagu Dato' Jamal Abdillah. Antara kata yang menunjukkan makna konotatif dalam lirik lagu tersebut termasuklah kata **bunga** dan **duri**. Kedua-dua kata tersebut bukan merujuk maknanya yang sebenar, sebaliknya kata **bunga** merujuk wanita, manakala kata **duri** merujuk keadaan pasangannya yang menghadapi cabaran dalam tempoh percintaan.

Makna afektif juga ditemukan dalam semua lirik lagu Dato' Jamal Abdillah. Contoh makna afektif yang terkandung dalam lagu Dato' Jamal Abdillah ialah **bersyukur**, **rindu** dan **cinta**. Perasaan tersebut ialah

perasaan yang dialami oleh seseorang ketika bercinta. Makna reflektif pula ditemukan dalam tujuh lagu Dato' Jamal Abdillah. Berlakunya penggantian kata dengan kata yang mempunyai makna konseptual yang sama, tetapi lebih sesuai digunakan berdasarkan konteks lagu tersebut, seperti kata **tak berharga** dan **manja**.

Makna kolokatif ditemukan dalam enam buah lagu Dato' Jamal Abdillah, antaranya melalui kata **gadis melayu** yang berkolokasi dengan kata **menawan, menarik hati, lemah lembut, manis senyumnya** dan **sehalus mulus**. Seterusnya, makna stilistik atau makna sosial ialah jenis makna yang tidak banyak ditemukan dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah. Makna ini ditemukan dalam sebuah lagu sahaja. Dalam lagu tersebut, perbezaan kedudukan sosial antara lelaki dengan perempuan dapat dilihat dengan jelasnya. Yang terakhir, makna tematik ialah makna yang menunjukkan penekanan. Antara kata yang diberikan penekanan dalam lirik lagu Dato' Jamal Abdillah termasuklah **lagi, hanya** dan **juga**.

Bagi setiap lagu yang dipilih dalam kajian ini, jenis makna yang terkandung dalam lirik lagu tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2. Dengan berdasarkan Jadual 2, dapat dikatakan bahawa sesebuah lagu itu tidak mengandungi satu jenis makna sahaja. Setiap lagu ini, sekurang-kurangnya mengandungi tiga jenis makna. Dalam lirik lagu *Cinta Dua Darjah*, penulis lirik lagu tersebut bukan sahaja ingin menyampaikan perasaannya, tetapi juga ingin menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sosial dalam lagu tersebut. Lagu tersebut juga merupakan satu-satunya lagu yang mengandungi makna stilistik atau makna sosial. Hal tersebut menunjukkan bahawa penulis lirik bagi lagu *Cinta Dua Darjah* mempunyai gaya pemikiran yang amat luas dan kreatif apabila menyampaikan sesuatu makna.

Lagu yang didendangkan oleh Dato' Jamal Abdillah ini mempunyai makna yang tersendiri dan disampaikan dengan gaya yang berbeza-beza. Hal ini disokong oleh Mohd Kassim Ismail (2004) yang menyatakan bahawa lirik lagu memiliki pelbagai bentuk pesanan yang berupa tulisan kata dan digunakan untuk mencipta suasana dan gambaran imaginasi tertentu kepada pendengarnya sehingga dapat menghasilkan makna yang beragam. Hal ini menunjukkan bahawa setiap lirik lagu itu mempunyai makna yang ingin disampaikan oleh penulis liriknya. Malah, sesebuah lagu itu bukan suatu ucapan yang bersahaja, sebaliknya mengandungi makna tertentu yang disampaikan, sama ada secara tersurat atau secara tersirat.

Jadual 2 Jenis makna dalam lagu.

Bil.	Nama Lagu	Jenis Makna						
		KOS	KON	A	R	KOL	S	T
1	<i>Aku Penghibur</i>	/		/		/		/
2	<i>Bunga Pujaan</i>	/	/	/				/
3	<i>Cinta Dua Darjat</i>	/		/	/	/	/	/
4	<i>Gadis Melayu</i>	/		/		/		/
5	<i>Insan dan Bunga</i>	/	/	/	/			/
6	<i>Kasih Ibu</i>	/		/		/		/
7	<i>Kekasih Awal dan Akhir</i>	/		/				/
8	<i>Keluhan Perantau</i>	/		/				/
9	<i>Ku Tahu Hatimu Terluka</i>	/		/				/
10	<i>Lambaian Aidilfitri</i>	/		/				/
11	<i>Mati Hidup Semula</i>	/	/	/	/			/
12	<i>Nasib Diriku</i>	/	/	/	/			/
13	<i>Sandarkan pada Kenangan</i>	/	/	/				/
14	<i>Senandung Semalam</i>	/	/	/	/			/
15	<i>Sendiri</i>	/		/		/		/
16	<i>Seniman Menangis</i>	/		/				/
17	<i>Sepi dalam Penantian</i>	/	/	/	/			/
18	<i>Sepi Seorang Perindu</i>	/		/	/			/
19	<i>Takdir Penentu Segala</i>	/		/				/
20	<i>Terharu</i>	/	/	/		/		/

Petunjuk: KOS = makna konseptual; KON = makna konotatif; A = makna afektif; R = makna reflektif; KOL = makna kolokatif; S = makna stilistik; dan T = makna tematik

Selain menyampaikan perasaan, penulis lirik juga memberikan penekanan terhadap ayat tertentu untuk menunjukkan fokus utama dalam lagu. Dalam aspek ini, Imam Mahdil Umami (2009) menyatakan bahawa setiap lagu mempunyai tujuan tertentu, iaitu menyampaikan sesuatu perkara kepada masyarakat sebagai pendengarnya, dan setiap lirik lagu mengandungi kata yang dirangkaikan secara baik dengan gaya bahasa yang menarik oleh penulis lirik dan dipersembahkan melalui suara indah penyanyi.

Siti Noor Riha Sulong dan Normaliza Abd Rahim (2015) pula menyatakan bahawa pesanan dalam lagu disampaikan dalam pelbagai bentuk, sama ada secara lisan atau tulisan. Menurut Mohd Kassim Ismail (2004), lagu turut berfungsi sebagai media sosial yang sering digunakan sebagai alat untuk mengajak pendengar supaya menghayati realiti yang terjadi. Selain itu, lagu juga dapat digunakan untuk pelbagai tujuan. Contohnya, menyuntik rasa cinta antara satu dengan lain, membakar semangat, memprovokasi atau menyampaikan saranan propaganda untuk mendapatkan sanjungan, serta menstabilkan emosi dan perasaan seseorang dengan tujuan untuk mananam sikap atau nilai yang wajar, benar dan tepat dalam kalangan masyarakat.

KESIMPULAN

Bahasa bukan sahaja digunakan untuk berkomunikasi, tetapi juga untuk menyampaikan idea melalui lirik lagu yang disusuli makna tertentu. Secara keseluruhannya, 20 lagu Dato' Jamal Abdillah yang digunakan sebagai data kajian mengandungi semua jenis makna yang dikemukakan oleh Leech (1974), iaitu makna konseptual, makna konotatif, makna afektif, makna reflektif, makna kolokatif, makna stilistik dan makna tematik. Makna yang dominan dalam kajian ini ialah makna konseptual, makna afektif dan makna tematik. Makna yang kurang dominan pula ialah makna stilistik atau makna sosial. Dalam masa yang sama, tidak ada satu lagu yang mengandungi ketujuh-tujuh jenis makna. Setiap lagu itu hanya mengandungi antara tiga hingga enam jenis makna.

Makna stilistik atau makna sosial tidak banyak digunakan dalam lagu Dato' Jamal Abdillah kerana dapat menimbulkan isu kerana berkait dengan hal sensitif. Oleh sebab lagu Dato' Jamal Abdillah ini didengari oleh semua peringkat umur, penggunaan kata yang digunakan mengandungi kata yang mudah difahami oleh pendengar, manakala maknanya mudah ditafsirkan. Hal ini membuktikan bahawa penulis

lirik lagu Dato' Jamal Abdillah mempunyai pelbagai cara untuk menyampaikan pesanan dalam lagu tersebut supaya difahami oleh pembaca atau pendengar.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak Program Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam, terutamanya kepada penyelia pengarang kerana telah memberikan sokongan dan tunjuk ajar yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab atas keseluruhan penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik Kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (Penterjemah). (1989). *Semantik*. Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Akhmad Saifudin. (2012). Metafora dalam lirik lagu *Kokoro No Tomo* karya Itsuwa Mayumi. *Jurnal LITE*, 8(2), 89–106.
- Azzahrotul Latifah. (2017). Analisis makna dalam novel *Cinta di Dalam Gelas* karya Andrea Hirata. *Jurnal Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 5(1), 1–10.
- Chiquita Clarencia. (2018). *Jenis-jenis makna dari lirik-lirik lagu terlaris boyband VIXX* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universitas Sam Ratulangi.
- Dila Puspita & Irma Winingsih (2018). Metafora pada lirik lagu AKB48. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 14(1), 55–67.

- Farra Humairah Mohd, Nordiana Hamzah & Hasrina Baharum. (2019). Falsafah, bahasa dan pemikiran Melayu dalam lirik lagu *Bangau oh Bangau* dan *Burung Kenek-kenek*. *Jurnal Bahasa, Filosofi dan Humaniti*, 2(6), 14–26.
- Hilman, P. (2016). *Semantics: A view to logic of language*. FKIP UHN.
- Imam Mahdil Umami. (2009). Analisis wacana penggunaan bahasa dalam lirik lagu-lagu Ungu: Kajian stilistika. *Jurnal Dinamika Bahasa dan Budaya*, 3(2), 201–217.
- Jamal Abdillah & Mawi. (2014). Terharu [Lagu]. Dalam *Raja cinta (Raja Pop Vol. 2)*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah-and-Mawi/Terharu>
- Jamal Abdillah & Saleem. (2014). Lambaian Aidilfitri [Lagu]. Dalam *Salam aidilfitri untuk semua*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah-and-Saleem/Lambaian-Aidilfitri>
- Jamal Abdillah & Saleem. (2014). Takdir penentu segala [Lagu]. Dalam *Raja pop*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah-and-Saleem/Takdir-Penentu-Segala>
- Jamal Abdillah & Siti Sarah. (2014). Sandarkan pada kenangan [Lagu]. Dalam *Raja pop*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah-and-Siti-Sarah/Sandarkan-Pada-Kenangan>
- Jamal Abdillah. (2014). Kekasih awal dan akhir [Lagu]. Dalam *Raja pop*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Kekasih-Awal-Dan-Akhir>
- Jamal Abdillah. (2014). Cinta dua darjat [Lagu]. Dalam *Tak hilang cinta*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Cinta-Dua-Darjat>
- Jamal Abdillah. (2014). Gadis Melayu [Lagu]. Dalam *Aku penghibur*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Gadis-Melayu>
- Jamal Abdillah. (2014). Insan dan bunga [Lagu]. Dalam *Samrah*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Insan-Dan-Bunga>
- Jamal Abdillah. (2014). Kasih ibu [Lagu]. Dalam *Segala cinta*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Kasih-Ibu>
- Jamal Abdillah. (2014). Keluhan perantau [Lagu]. Dalam *Raja pop*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Keluhan-Perantau>
- Jamal Abdillah. (2014). Ku tahu hatimu terluka [Lagu]. Dalam *Sepi seorang perindu*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Ku-Tahu-Hatimu-Terluka>
- Jamal Abdillah. (2014). Mati hidup semula [Lagu]. Dalam *Raja pop*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Mati-Hidup-Semula>
- Jamal Abdillah. (2014). Nasib diriku [Lagu]. Dalam *Raja cinta (Raja pop Vol. 2)*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Nasib-Diriku>
- Jamal Abdillah. (2014). Senandung semalam [Lagu]. Dalam *Raja pop*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Senandung-Semalam>
- Jamal Abdillah. (2014). Sendiri [Lagu]. Dalam *Sendiri*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Sendiri>

- Jamal Abdillah. (2014). Seniman menangis [Lagu]. Dalam *Raja cinta (Raja pop Vol. 2)*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Seniman-Menangis>
- Jamal Abdillah. (2014). Sepi dalam penantian [Lagu]. Dalam *Sendiri*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Sepi-Dalam-Penantian>
- Jamal Abdillah. (2014). Sepi seorang perindu [Lagu]. Dalam *Sepi seorang perindu*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Sepi-Seorang-Perindu>
- Jamal Abdillah. (2017). Aku penghibur [Lagu]. Dalam *Aku penghibur*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Aku-Penghibur>
- Jamal Abdillah. (2018). Bunga pujaan [Lagu]. Dalam *Raja cinta (Raja pop Vol. 2)*. <https://www.musixmatch.com/lyrics/Jamal-Abdillah/Bunga-Pujaan>
- Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015, 28 September). *Unsur asam dan akal budi melayu*. Seminar Meja Bulat: Simpulan bahasa dan Kognitif Penutur. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lahengko M. Chasandra. (2016). *Jenis makna dalam ‘The Book Of Proverbs’*. Universitas Sam Ratulangi.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. The University of Chicago Press.
- Leech, G. (1974). *Semantics*. Penguin Books Ltd.
- Lyons, J. (1994). *Bahasa dan linguistik: Suatu pengenalan*. Ramli Salleh & Toh Kim Hoi (Penterjemah). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria. (2017). Perenggu minda Melayu dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Social Science and Humanities*, 6(2), 175–187.
- Mohd Kassim Ismail. (2004). *Siri kajian sastera Fajar Bakti. Sastera rakyat suatu warisan*. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert Sibarani, Syahrial Isa & Hariadi Susilo. (2003). *Semantik bahasa Batak Toba*. Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional.
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim. (2015). Laras bahasa dalam lirik lagu “*Hakim yang Bijaksana*”. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 103–113.
- Suraiya Chapakiya. (2015). *Asas linguistik*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Umu Sya’adah. (2012). *Makna konotatif dalam antologi Cerkak Majalah Djaka Lodang Edisi Bulan Mei – Julai tahun 2009* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universitas Negeri Yogyakarta.